



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA
PERINGKAT SEKOLAH**

14 OGOS 2023 (ISNIN)

9.00 PAGI

**DEWAN KOMPLEKS SERI BINTANG
KUALA LUMPUR**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kerana dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bersempena **Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah Tahun 2023**.

2. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Menteri Pendidikan dan Guru-guru serta seluruh warga **Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bintang Selatan, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bintang Utara, Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Selatan dan Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Utara, Kuala Lumpur** atas kesudian menjadi tuan rumah bagi penganjuran program pada pagi ini.

RUKUN NEGARA IDEOLOGI NEGARA

3. Rentetan daripada peristiwa perkauman pada **13 Mei 1969**, kerajaan mula sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan teras kepada cita-cita ke arah pembentukan bangsa dan negara. **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)**, diketuai oleh **Tun Abdul Razak** telah berusaha menangani permasalahan perkauman demi memperkuatkan ketahanan negara dan mengekalkan perpaduan bangsa. Maka dengan itu, beberapa dasar baru telah diperkenalkan bertujuan **merapatkan jurang ekonomi dan mewujudkan keharmonian antara kaum**. Melalui Majlis Perundingan Negara, dasar ekonomi telah diperkenalkan menerusi **Dasar Ekonomi Baru** dan dasar perpaduan pula telah dilancarkan menerusi **Rukun Negara**.

4. Rukun Negara telah digubal oleh kerajaan yang bertujuan sebagai **pengikat perasaan dan pembina semangat cintakan negara** dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Penyataan matlamat utama pembentukan Rukun Negara ialah membina perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

5. Maka Rukun Negara diisyiharkan pada **31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong keempat, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin** sempena Hari Kebangsaan Malaysia ke-13. Rukun Negara adalah salah satu **usaha kerajaan mengurus isu perpaduan susulan peristiwa 13 Mei 1969.**
6. Seperti kita semua sedia maklum, antara punca membawa kepada peristiwa tersebut sebagaimana terpahat dalam sejarah termasuklah perang mulut, laungan sentimen kaum dan agama sehingga mencetuskan ketegangan. Justeru, teras kelima Rukun Negara secara jelas memberi penekanan terhadap nilai kemanusiaan dengan harapan setiap rakyat Malaysia saling menghormati dan menerima perbezaan masing-masing.
7. Penyataan Rukun Negara menggariskan **LIMA (5) cita-cita** dan **LIMA (5) prinsip** sebagai pegangan dan panduan dalam membentuk asas perpaduan dan identiti negara Malaysia ke arah merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara yang makmur dan stabil. Lima prinsip dan cita-cita ini **bertindak sebagai tiang seri dan panduan hidup masyarakat berbilang bangsa** dimana kita harus menjadikan ia sebagai **formula mujarab untuk menangani pelbagai krisis** yang berlaku dalam masyarakat kita.

PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

8. Sehubungan dengan itu, Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah juga telah ditubuhkan dalam usaha menyemarakkan pelaksanaan program yang berteraskan Rukun Negara. Sehingga kini, **sebanyak 6,849 Kelab Rukun Negara (KRN) telah ditubuhkan di seluruh negara** yang merangkumi SK, SJK(C), SJK(T), SMK dan SMK swasta. Untuk makluman, di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja kini terdapat sebanyak 302 KRN.**

9. Penubuhan **Kelab Rukun Negara (KRN)** ini telah diilham dan disarankan oleh **Tun Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi** (ketika itu selaku Timbalan Perdana Menteri) semasa merasmikan sambutan Hari Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2000 di Melaka. Malah sebelum itu, ketika merasmikan Hari Perpaduan Peringkat Kebangsaan 1999 di Pahang, beliau telah menyeru agar seluruh rakyat Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip-prinsip Rukun Negara untuk menjamin perpaduan dan kemakmuran Negara terus berkekalan.

10. Selain daripada matlamat untuk memperkenal dan menyedarkan murid tentang **kepentingan Rukun Negara**, kelab ini juga akan dijadikan sebagai salah satu strategi utama ke arah pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional di kalangan murid pelbagai kaum.

Hadirin yang saya dihormati sekalian,

11. Usaha menyemarakkan pendidikan dan penghayatan **Rukun Negara** ini perlu diperkasakan dalam setiap peringkat sistem pendidikan sekolah bermula dari prasekolah hingga ke pendidikan tinggi. Ini bagi memastikan agar setiap individu, bermula daripada kanak-kanak, dapat memahami dan menghayati sebenarnya benarnya cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
12. Penghayatan secara mendalam itu sangat penting kerana iaanya boleh membantu menyelesaikan pelbagai masalah dan konflik yang berlaku dalam masyarakat kita terutamanya membabitkan isu-isu sensitif dan perhubungan antara kaum. Oleh itu, **Kerajaan telah bersetuju** dengan cadangan supaya **sesi lafadz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah 5 cita-cita (preamble) dan diikuti dengan lima prinsip Rukun Negara**

dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah.

13. Seiring dengan usaha pembangunan masyarakat MADANI, Kementerian Perpaduan Negara juga mengambil inisiatif melaksanakan **Ekplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah** dalam usaha untuk mengukuhkan dan memperkasakan pembudayaan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian khususnya dalam kalangan generasi muda.

PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA PERINGKAT SEKOLAH

14. Program Eksplorasi Rukun Negara @Sekolah ini adalah bertujuan meningkatkan **pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) Rukun Negara** dalam diri murid dan menjadikannya sebahagian daripada sikap dan tingkah laku seharian.
15. Di samping itu, melalui program ini, ianya akan mengukuhkan lagi semangat jati diri dan semangat cintakan negara melalui pembudayaan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan masyarakat.

16. Antara aktiviti yang dicadangkan di bawah program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah adalah seperti:
- i. **Ikrar Setiaku: Pelaksanaan lafaz ikrar penuh** yang dimulakan dengan lafaz cita-cita diikuti lafaz prinsip Rukun Negara serta disusuli dengan penerangan ringkas berkaitan Rukun Negara;
 - ii. **Pertandingan Video Eksplorasi Rukun Negara @Sekolah;**
 - iii. **Kempen Budi Bahasa:** Coretan kata-kata positif oleh pelajar untuk membentuk minda pelajar ke arah positif dan sihat. Contohnya adalah **Kempen #cakapbaikbaik;** dan
 - iv. **Lukisan Mural Aspirasi Rukun Negara:** Lukisan mural di dinding sekolah atau lokasi yang sesuai yang menterjemahkan visual aspirasi Rukun Negara.

PERANAN GURU SEBAGAI AGEN PERPADUAN DI SEKOLAH

17. Kemajuan dan pembangunan negara terletak pada **keupayaan guru dalam menyatukan generasi muda** dengan menggalakkan mereka memupuk dan menerapkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan mereka.

18. Tugas dalam mengharungi cabaran ini perlu dipikul oleh guru yang menjadi **ejen atau teladan demi integrasi antara kaum dan perpaduan negara**. Keperluan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar dan meningkatkan semangat patriotik mereka berdasarkan prinsip Rukun Negara amatlah penting jika kita ingin lihat dan jadikan Malaysia negara yang bersatu padu.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan, murid-murid dan para pelajar adalah pewaris masa hadapan negara. **Generasi muda hari ini merupakan cerminan masa depan negara**. Justeru, marilah kita sama-sama mencorakkan nilai yang positif dalam membentuk generasi yang progresif dari semua aspek bagi mencapai pembangunan masyarakat MADANI yang diidamkan.

20. Sekali lagi, terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyambut baik usaha murni untuk memperkasakan lagi pengetahuan, pemahaman dan penghayatan murid dalam pembudayaan Rukun Negara seterusnya membentuk modal insan yang jitu dan cemerlang. **Kerjasama strategik dan sokongan semua pihak adalah tunjang kejayaan membentuk masyarakat yang harmoni**.

21. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah.**

Sekian, terima kasih.